

PKFZ: RM560j sangat besar

Oleh AZIAN AZIZ

PELABUHAN KLANG 18 Okt. - Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) mahu meneliti laporan terperinci mengenai kaedah perbelanjaan luar jangka yang meliputi 20 peratus daripada RM2.8 bilion anggaran perbelanjaan pembangunan Zon Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ) yang dipertikaikan.

Pengerusinya, Datuk Shahrir Samad berkata, jumlah perbelanjaan sebanyak 20 peratus yang melibatkan kos RM560 juta itu dianggap sangat besar dan pihaknya ingin mengetahui berapa banyak peruntukan yang telah digunakan daripada jumlah yang diminta.

"Kita dimaklumkan PKFZ akan siap sepenuhnya apabila kerja-kerja pembinaan hotel perniagaan serta dewan pameran dan jalan masuk utama selesai masing-masing pada penghujung November dan Disember ini.

"Selepas semua projek itu siap, kita harap kita boleh dapat tahu jumlah sebenar yang telah dibelanjakan sama ada melebihi anggaran yang telah dibuat atau tidak.

"Kita juga ingin tahu berapa banyak perbelanjaan luar jangka yang telah digunakan," kata beliau kepada pemberita selepas sesi taklimat tertutup yang disampaikan oleh Pengurus Besar Pembangunan Perniagaan PKFZ, Chia Kon Leong di Wisma PKFZ, Pulau Indah di sini petang ini.

Turut hadir pada sesi taklimat itu ialah Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin

Buang; Pengerusi LPK yang juga Pengerusi PKFZ, Datin O.C Phang dan enam ahli jawatankuasa PAC.

Terdahulu, Shahrir dan rombongannya yang datang dengan menaiki sebuah bas dari bangunan Parlimen, Kuala Lumpur kira-kira pukul 9 pagi ini dibawa melawat ke seluruh kawasan PKFZ selama 30 minit sebelum mendengar taklimat kira-kira dua jam.

Menurut Shahrir, PAC masih menanti tarikh sesuai untuk mengadakan pertemuan dengan Peguam Negara bagi mendapatkan tafsiran dan pendapat dari segi undang-undang mengenai pembelian PKFZ.

"PAC bukan kumpulan antipembangunan tetapi kita mahu projek yang disokong kerajaan mendapat kejayaan.

"Kita tidak mahu ada pihak mengambil

kesempatan menggunakan kedudukan masing-masing untuk mendapatkan keuntungan," katanya.

Mengenai hasil lawatan itu, Shahrir berkata, PAC berpuas hati apabila 40 peratus daripada 256 hektar tapak tanah PKFZ sudah dan sedang dirancang untuk disewa.

Sebanyak 18 daripada 512 unit industri ringan telah disewa manakala satu blok daripada empat blok ruang komersial juga sudah diduduki.

"Tapi masih ada persoalan belum terjawab dan tidak pernah hilang daripada pemikiran ahli PAC.

"Tanda tanya mengenai PKFZ belum habis termasuk dari segi undang-undang apabila kerajaan membuat keputusan membeli dan bukan mengambil alih PKFZ," katanya.